

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 18 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6

## Hanya 3.43 juta individu 18 tahun ke atas daftar Padu

### Hanya 3.43 juta individu 18 tahun ke atas daftar Padu

**KUALA LUMPUR** – Hanya 3.43 juta individu berusia 18 ke atas melibatkan warganegara dan pemastautin tetap direkodkan selesai membuat pendaftaran menerusi Pangkalan Data Utama (Padu).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, daripada jumlah itu, seramai 1.2 juta ialah kakitangan kerajaan berdasarkan Status Semasa Bilangan Pengemaskinian

Padu Penjawat Awam.

"Pendaftaran Padu berbaki 43 hari, yang akan dibuka sehingga 31 Mac 2024. Rakyat Malaysia dinasihatkan supaya tidak melaksanakan pengemaskinian Padu pada saat-saat akhir kerana ia akan mengakibatkan kesesakan pada sistem," katanya dalam kenyataan semalam.

Berdasarkan bancian penduduk 2023, Malaysia dianggarkan mempunyai penduduk

berjumlah lebih 33 juta orang meliputi 77 juta orang berusia 14 tahun dan ke bawah, 15 hingga 64 tahun (23.1 juta) dan 2.4 juta individu berusia 65 tahun dan ke atas.

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, sebanyak 60 Perpustakaan Desa (PD) di seluruh negara turut dijadikan sebagai pusat pendaftaran Padu bagi memberi kemudahan kepada penduduk di luar bandar.

"Ia adalah hasil kerjasama strategik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi menambah kaunter fizikal Padu selain di lebih 900 Pusat Ekonomi Digital (PEDi), Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTL)," jelasnya.

Mohd. Uzir berkata, orang ramai boleh menghubungi talian hotline **1-800-88-7720/21** yang

beroperasi bermula pukul 8 pagi hingga 9 malam setiap hari sekiranya mempunyai masalah membuat kemas kini secara sendiri.

Katanya, sebarang maklum balas, aduan, penghargaan, pertanyaan dan cadangan penambahbaikan berkenaan sistem dan mekanisme pelaksanaan boleh disalurkan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Padu.